



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
(Ministry Of Education Malaysia)
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
(Human Resource Management Division)
ARAS 1-5 Dan 12-14, Blok E12, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

Telefon : +603-8884 6000 (Talian Umum)
Faks : +603-8888 6292
Laman web : <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Kami : KP(PP)0017/18/6/30 Jld.2(5)
Tarikh : 31 Januari 2013

Rektor Institut Perguruan Malaysia

Semua Ketua Jabatan / Bahagian,
Kementerian Pelajaran Malaysia

Pengarah Institut Aminuddin Baki

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Semua Pengarah Institut Perguruan Malaysia

Semua Pengarah Kolej Matrikulasi

Semua Pegawai Pelajaran Daerah

Semua Ketua Jabatan Pegawai Kader

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT SIARAN BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBBK) BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH (PPPS) TAHUN 2013 DI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA (KPM)

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), KPM akan menjalankan urusan kenaikan pangkat *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) bagi Gred DG41 ke Gred DG44 secara Khas Untuk Penyandang (KUP), Gred DG44 ke Gred DG48(KUP), Gred DG48 ke Gred DG52(KUP) dan Gred DG52 ke Gred DG54(KUP) tahun 2013.

3. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengenalpasti PPPS yang telah memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat secara TBBK pada **01 Januari 2013 hingga 30 Jun 2013** dan seterusnya memperakukan pegawai-pegawai tersebut untuk pertimbangan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP).

4. PPPS yang layak dipertimbangkan untuk urusan kenaikan pangkat secara TBBK bagi tahun 2013 adalah seperti berikut :-

4.1 PPPS Gred DG41 yang telah berkhidmat genap lapan (8) tahun pada 2013 yang **TIDAK MEMPUNYAI** pengalaman Ex-PPPLD;

4.2 PPPS Gred DG41 yang telah berkhidmat genap lapan (8) tahun pada 2013 dan **MEMPUNYAI PENGALAMAN EX-PPPLD**;

4.3 PPPS Gred DG44 yang telah berkhidmat genap lapan (8) tahun pada 2013 yang **TIDAK MEMPUNYAI** pengalaman Ex-PPPLD;

4.4 PPPS Gred DG44 yang telah berkhidmat genap lapan (8) tahun pada 2013 dan **MEMPUNYAI PENGALAMAN EX-PPPLD TETAPI BELUM MENGGUNAKAN PENGALAMAN EX-PPPLD** semasa kenaikan pangkat ke Gred DG44;

4.5 PPPS Gred DG48 yang telah berkhidmat genap enam (6) tahun pada 2013; dan

4.6 PPPS Gred DG52 yang telah berkhidmat genap tiga (3) tahun pada 2013.

5. Ketua Jabatan juga perlu memperakukan PPPS yang sedang Bercuti Belajar, Cuti Separuh Gaji, Cuti Tanpa Gaji, pegawai pinjaman/tukar sementara, mengisi jawatan kader KPM, pegawai yang telah bersara wajib atau meninggal dunia tetapi telah memenuhi syarat sebelum bersara wajib/pilihan atau meninggal dunia. Perakuan tersebut hendaklah dikemukakan oleh Ketua Jabatan sedia ada **atau** Ketua Jabatan di tempat yang terakhir PPPS tersebut berkhidmat.

6. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan juga, tempoh pengalaman mengajar sebagai PPPLD yang boleh diambil kira bagi tujuan kenaikan pangkat iaitu 9 tahun pengalaman sebagai PPPLD bersamaan 3 tahun pengalaman di PPPS tertakluk kepada maksimum tiga (3) tahun masih **dikekalkan** dan hanya terpakai bagi PPPS yang akan diperakukan ke **Gred DG44 atau DG48 sahaja** tertakluk kepada memenuhi syarat kenaikan pangkat, tahap prestasi dan kecemerlangan yang ditetapkan oleh LKPPP.

7. PPPS yang akan diperakukan mestilah memenuhi syarat umum dan syarat khusus seperti berikut:

BIL	KATEGORI	LAMPIRAN
(a)	PPPS Gred DG41 yang telah berkhidmat genap lapan (8) tahun pada 2013 yang TIDAK MEMPUNYAI pengalaman Ex-PPPLD.	LAMPIRAN A1
(b)	PPPS Gred DG41 yang telah berkhidmat genap lapan (8) tahun pada 2013 dan MEMPUNYAI PENGALAMAN EX-PPPLD.	LAMPIRAN A2
(c)	PPPS Gred DG44 yang telah berkhidmat genap lapan (8) tahun pada 2013 yang TIDAK MEMPUNYAI pengalaman Ex-PPPLD.	LAMPIRAN A3
(d)	PPPS Gred DG44 yang telah berkhidmat genap lapan (8) tahun pada 2013 dan MEMPUNYAI PENGALAMAN EX-PPPLD TETAPI BELUM MENGGUNAKAN PENGALAMAN Ex-PPPLD semasa kenaikan pangkat ke Gred DG44.	LAMPIRAN A4
(e)	PPPS Gred DG48 yang telah berkhidmat genap enam (6) tahun pada 2013.	LAMPIRAN A5
(f)	PPPS Gred DG52 yang telah berkhidmat genap tiga (3) tahun pada 2013.	LAMPIRAN A6

8. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengisi butiran data PPPS berdasarkan tahun perkhidmatan masing-masing yang ditentukan mengikut format seperti di **LAMPIRAN B1 sehingga LAMPIRAN B10.**

9. Ketua Jabatan yang menyimpan Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) diminta untuk memperakukan PPPS yang layak untuk dipertimbangkan. Perakuan mengikut format yang telah ditetapkan hendaklah dikemukakan melalui Jabatan Pelajaran Negeri (JPN)/ Bahagian masing-masing dengan melampirkan satu (1) salinan dokumen sokongan seperti berikut:

- 9.1 Salinan Kad Pengenalan;
- 9.2 Kenyataan oleh Ketua Jabatan seperti di **LAMPIRAN B1-B10** (format disertakan);
- 9.3 **LAMPIRAN T1** bagi tujuan tapisan keutuhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (format disertakan);

9.4 Borang Akuan Pilihan Urusan seperti di **LAMPIRAN C** (bagi urusan Gred DG44).

9.5 Surat Akuan Pinjaman seperti di **LAMPIRAN D** (format disertakan); dan

10. Bagi melancarkan urusan kenaikan pangkat ini, kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan senarai PPPS yang telah memenuhi syarat mengikut fasa yang telah ditetapkan seperti berikut:

FASA	KUMPULAN PPPLD	TARIKH TUTUP
Fasa 1	Pegawai yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat TBBK pada 01 Januari 2013 hingga 31 Mac 2013.	28 Februari 2013 (Khamis)
Fasa 2	Pegawai yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat TBBK pada 01 April 2013 hingga 30 Jun 2013.	28 Mac 2013 (Khamis)

11. Sehubungan itu, dipohon kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk:-

11.1 Memastikan maklumat calon yang dikemukakan diasingkan mengikut lampiran-lampiran yang betul. Sila rujuk senarai semak dan senarai Ketua Jabatan yang dilampirkan seperti di **LAMPIRAN E1 dan LAMPIRAN E2;**

11.2 Menyemak dengan teliti Buku Rekod Perkhidmatan pegawai dan memastikan tiada pegawai yang tertinggal ataupun berlaku kesilapan data;

11.3 **Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan hanya data yang lengkap bagi memudahkan proses pengemaskinian; dan**

11.4 Memastikan agar semua perakuan tersebut dikumpul dan dihantar dalam bentuk **hard copy dan soft copy (Microsoft Access)** ke BPSM, KPM **pada atau sebelum, seperti tarikh di para 10** ke alamat berikut:-

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Aras 4, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 WP PUTRAJAYA
(u.p: Unit Naik Pangkat Siswazah 2)

12. BPSM memohon kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan agar tiada lagi kes-kes tercicir/tertinggal yang akan diperakukan oleh Ketua Jabatan. Pihak JPN/Bahagian/IAB/IPGM/Kolej Matrikulasi juga hendaklah memastikan tiada berlaku pertindihan permohonan urusan pemangkuan/kenaikan pangkat laluan lain bagi pegawai-pegawai yang akan diperaku.

13. Sebarang pertanyaan untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perkara ini bolehlah dirujuk kepada JPN / Bahagian masing-masing atau kepada pegawai-pegawai di Kementerian ini seperti berikut:

NEGERI	NO. TELEFON
Pertanyaan Umum (Semakan Status Kenaikan Pangkat) Kedah, Johor, Melaka, Pahang, Sabah, Selangor, WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Kolej Matrikulasi, Bahagian-Bahagian di KPM dan Pegawai Pinjaman/Agensi Kader KPM	03-8884 7934
Negeri Sembilan, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Terengganu, Sarawak, WP Labuan, IAB dan IPGM	03-8884 7914
Kes-Kes Rayuan	03-8884 7986
	03-8884 7140
	03-8872 1422
	03-8884 7939

14. Di atas segala kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berikan di dalam melaksanakan perkara dengan cepat, tepat dan berintegriti amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(SHARIFAH RUHANI BINTI SYED ABU BAKAR)

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia